

Pengajian sains: B-putera sudah mampu—Mahathir

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Bumiputra sekarang sudah mampu dan berkebolehan mengikut dengan jayanya pengajian sains dan teknologi, demikian kata Menteri Pelajaran (Dr. Mahathir Mohamed hari ini.

"Kebanyakan dari pelajar-pelajar ini pula ialah Bumiputra dari luarbandar," jelasnya.

Beliau memuji Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kerana berjaya membuktikan ke-

mampuan dan kebolehan pelajar-pelajar Bumiputra ini dengan mengeluarkan tenaga-tenaga mahir di kedua-dua bidang tersebut.

Dr. Mahathir menyampaikan Diploma kepada 326 pelajar lulusan UTM dalam upacara khas di Dewan Tengku Abdul Rahman di sini petang ini.

Penawaran

Kira-kira 1,000 orang hadir di upacara yang berlangsung mengikut tradisi universiti diserikan oleh Pancaragam Pusat Askar Melayu Diraja.

Dr. Mahathir berharap, perkembangan pesat UTM dan lain-lain institusi pelajaran tinggi dapat menampung kekurangan tenaga teknik yang

mahir, termasuk penyertaan Bumiputra.

Katanya, negara masih kekurangan tenaga mahir dan beliau berharap pelajar-pelajar yang berjaya dapat menyumbangkan pengetahuan serta tenaga mereka dengan penuh dedikasi bagi kepentingan negara.

Menurut beliau, Rancangan Malaysia Ketiga sedang diambang pelaksanaannya tahun depan dan "permintaan untuk tenaga mahir mungkin akan melebihi penawaran."

"Bagaimanapun dengan perkembangan pesat UTM dan juga institusi-institusi pelajaran tinggi yang lain, keadaan kekurangan ahli-ahli teknik ini tidak akan menjadi begitu buruk," tegasnya.

Dr. Mahathir memberi jaminan Kerajaan sedang berusaha sedaya-upaya memberi bantuan dalam serba aspek terhadap perkembangan UTM bagi menjamin projek pembangunannya dapat dibereskan mengikut tarikh matlamat yang ditentukan.

Beliau juga mengumumkan Kerajaan Arab Saudi telah memberi pinjaman \$41 juta untuk perbelanjaan segala kelengkapan dan peralatan kampus baru UTM.

Penghargaan

Bagi pihak Kerajaan Malaysia beliau mengucapkan penghargaan atas kemurahan hati Kerajaan Arab Saudi tersebut.

Dr. Mahathir memuji atas daya-usaha UTM dalam merintis jalan memberikan pendidikan Islam, tatasusila dan tatanegara kepada pelajar-pelajar institusi pelajaran tinggi.

Beliau menyebutkan pentingnya pelajar-pelajar berdamping rapat dengan pendidikan rohani disamping mengejar pengajian moden "agar mereka kelak tidak sahaja menjadi masyarakat berdisiplin malah berakhlak tinggi."

"Pencapaian taraf masyarakat ini selaras dengan kehendak dan cita-cita negara," katanya.